

13 JUL 2000

Raja-Syabas

MAJLIS RAJA-RAJA PUJI POLIS DAN TENTERA

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Mesyuarat Majlis Raja-raja ke-186 yang berakhir hari ini merakamkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia kerana kecemerlangan mereka menundukkan penjenayah yang melarikan pelbagai senjata dari dua kem tentera di Gerik pada 2 Julai.

Raja-raja juga merakamkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah khas kepada Panglima Medan Tentera Darat Lt Jen Datuk Zaini Mohd Said kerana usahanya menangkap ketua kumpulan penjenayah itu pada 6 Julai.

"Kecekapan pegawai-pegawai dan anggota-anggota tentera dan polis dalam menangani kejadian ini amatlah dipuji dan disanjung tinggi," menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja.

Majlis Raja-raja juga menzahirkan rasa dukacita atas kejadian pencerobohan dan rompakan senjata api di dua kem itu.

"Perbuatan ini amatlah terkutuk kerana ianya boleh menggugat keselamatan negara kita," kata kenyataan itu.

Majlis Raja-raja juga turut menyampaikan takziah kepada keluarga dua anggota keselamatan yang terkorban dalam kejadian itu.

Detektif Koperal R. Sagadevan dari cawangan khas polis Kuala Kangsar dan Prebet Mathew anak Medan daripada Pasukan Gerak Khas, Kem Terendak, Melaka dibunuh semasa menjadi tawanan kumpulan penjenayah itu.

Sekumpulan 15 anggota kumpulan persilatan kebatinan Al-Ma'unah menceroboh dua kem tentera itu dan merompak pelbagai jenis senjata sebelum lari menyembunyikan diri bersama 13 lagi anggota kumpulan itu di Bukit Jenalek, Sauk, tidak jauh dari Gerik.

Bagaimanapun, setelah dikepung oleh pasukan keselamatan selama empat hari, mereka akhirnya menyerah diri. Seorang daripada mereka turut terbunuh.

Mesyuarat Majlis Raja-raja hari ini di Istana Negara turut dihadiri Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Mesyuarat dipengerusikan Sultan Kelantan dan dihadiri oleh semua raja kecuali Sultan Kedah, Pahang dan Johor.

Sultan Kedah diwakili Raja Muda manakala Sultan Pahang dan Johor diwakili Tengku Mahkota masing-masing.

Mesyuarat itu turut berbincang perkara berkenaan dasar negara, pelantikan, agama dan hal-hal lain, menurut kenyataan itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hadir sama.

Semua Menteri Besar dan Ketua Menteri juga hadir kecuali Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang diwakili Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri Datuk Adenan Satem.

-- BERNAMA

ARA AHH MAI